**PELAWAAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pembekal yang berdaftar dengan MQA** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Kelayakan | Tarikh Pelawaan | Tarikh Tutup |
|---|---|---|---|---|
| 11/2020 | Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Tanpa Senjata Di Bangunan Mercu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tempoh Dua Tahun Bermula Januari 2021 | (a) Bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera** dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang **220801 - Pertahanan Dan Keselamatan [kawalan keselamatan (perlu lesen KDN)]**<br>(b) **Hanya pembekal yang berdaftar sahaja akan dipelawa untuk menyertai sebut harga ini; dan**<br>(c) **Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di http://www2.mqa.gov.my/pembekal/ selewat-lewatnya 13 November 2020 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi.** | 18 November 2020 (Rabu) | 26 November 2020 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari |
| 12/2020 | Membekal Dan Menghantar Toner Pencetak Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Bermula Januari 2021 Sehingga Disember 2023 | (a) Bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera** dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang **020601** - alatulis (tidak termasuk borang dan semua jenis kertas).<br>(b) **Hanya pembekal yang berdaftar sahaja akan dipelawa untuk menyertai sebut harga ini; dan**<br>(c) **Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di http://www2.mqa.gov.my/pembekal/ selewat-lewatnya 13 November 2020 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi.** | 18 November 2020 (Rabu) | 26 November 2020 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari |

| No. Sebut Harga | Tajuk | Kelayakan | Tarikh Pelawaan | Tarikh Tutup |
|---|---|---|---|---|
| 14/2020 | Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Bagi Tempoh 3 Tahun Mulai Januari 2021 Sehingga Disember 2023 Untuk Kegunaan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) | (a) Bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera** dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang **020201 – mesin-mesin pejabat dan aksesori.**<br>(b) **Hanya pembekal yang berdaftar sahaja akan dipelawa untuk menyertai sebut harga ini; dan**<br>(c) **Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di http://www2.mqa.gov.my/pembekal/ selewat-lewatnya 13 November 2020 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi.** | 18 November 2020 (Rabu) | 26 November 2020 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari |

2. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Negeri Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|
| 13/2020 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Jenis Unit Berasingan *(Aircond Split Unit)* Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Mulai Januari 2021 Sehingga Jun 2021 | (i) Kontraktor hendaklah mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**;<br>(ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang sah dalam **Gred G1:**<br>**Kategori Mekanikal dan Elektrikal (M) dan Pengkhususan: M01** – sistem hawa dingin dan pengedaran udara. | 18 November 2020 (Rabu) | 26 November 2020 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari |

| No. Sebut Harga | Tajuk | Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).<br>(iv) **Hanya pembekal yang berdaftar sahaja akan dipelawa untuk menyertai sebut harga ini; dan**<br>(v) **Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di http://www2.mqa.gov.my/pembekal/ selewat-lewatnya 13 November 2020 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi.** | | |

3. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **hendaklah** mengemukakan satu salinan sijil yang masih dalam tempoh sah laku seperti senarai semak yang disediakan serta menyatakan nombor sebut harga yang ingin disertai melalui emel kepada pegawai di bawah **selewat-lewatnya 13 November 2020 (Jumaat) sebelum jam 10.00 pagi**.

4. Pembekal juga perlu memastikan **e-mail berserta dokumen sokongan** yang dihantar kepada pegawai MQA **tidak melebihi saiz 10mb** sahaja.

| No. Sebut Harga | Tajuk | Sijil-sijil |
|---|---|---|
| 11/2020 | Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Tanpa Senjata Di Bangunan Mercu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tempoh Dua Tahun Bermula Januari 2021 | (i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia;<br>(ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkenaan);<br>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);<br>(iv) Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Akta Cukai 2018) (jika berkenaan); dan<br>(v) profail syarikat. |
| 12/2020 | Membekal Dan Menghantar Toner Pencetak Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi | (i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia;<br>(ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera |

| No. Sebut Harga | Tajuk | Sijil-sijil |
|---|---|---|
| | Tempoh Tiga (3) Tahun Bermula Januari 2021 Sehingga Disember 2023 | dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkenaan);<br><br>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);<br><br>(iv) Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Akta Cukai 2018) (jika berkenaan); dan<br><br>(v) profail syarikat. |
| 13/2020 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Jenis Unit Berasingan *(Aircond Split Unit)* Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Mulai Januari 2021 Sehingga Jun 2021 | (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (jika berkenaan);<br><br>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika berkenaan);<br><br>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan);<br><br>(iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan<br><br>(v) profail syarikat. |
| 14/2020 | Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Bagi Tempoh 3 Tahun Mulai Januari 2021 Sehingga Disember 2023 Untuk Kegunaan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) | (i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia;<br><br>(ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkenaan);<br><br>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);<br><br>(iv) Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Akta Cukai 2018) (jika berkenaan); dan<br><br>(v) profail syarikat. |

| Nama pegawai | No. Telefon | Alamat e-mel |
|---|---|---|
| Puan Zuraini Binti Zainal Abiddin | 03-8688 1940 | upd@mqa.gov.my |
| Puan Nur Jannati Bte Anuar | 03-8688 1929 | upd@mqa.gov.my |

4. Setelah MQA menerima dokumen lengkap daripada pihak tuan, Surat Pelawaan Sebut Harga berserta dokumen sebut harga yang bernombor akan dikemukakan kepada pembekal yang layak bermula pada tarikh sebut harga dibuka secara emel (*softcopy*).

5. Selaras dengan Wabak Covid-19 yang sedang melanda negara ketika ini, MQA tidak akan mengadakan taklimat sebut harga.

6. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 26 November 2020 (Khamis)
Masa : sebelum 12.00 tengah hari
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

7. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan iaitu **pada 26 November 2020 (Khamis) selepas jam 12.00 tengah hari** tidak akan dipertimbangkan.

8. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.

9. **Sebarang perubahan terhadap dokumen sebut harga adalah tidak dibenarkan dan dilarang.** Sekiranya terdapat bukti perubahan terhadap dokumen telah dibuat, pembekal akan disenarai hitam oleh pihak MQA dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai sebarang perolehan dengan MQA pada masa akan datang.

10. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.

11. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

12. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.